



09 JAN, 2025

Kiosk Sentuhan MADANI pertama dilancar

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Kiosk Sentuhan MADANI pertama dilancar

PUTRAJAYA: Kiosk Sentuhan MADANI yang pertama, iaitu inisiatif terbaharu untuk memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan, akan dilancarkan di pusat beli-belah Alamanda, di sini hari ini.

Ketua Pengarah Unit Pantau MADANI Pejabat Perdana Menteri Mohd Khalid Mohamed Latiff berkata kios berkenaan menghimpunkan lebih 90 perkhidmatan kerajaan yang disediakan melalui enam kios agensi dan syarikat berlainan.

Beliau berkata ia melibatkan kios Jabatan Pengangkutan Jalan, Pos Malaysia, Suruhanjaya

Syarikat Malaysia, Tenaga Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan MyDigital ID.

"Idea di sebalik inisiatif ini adalah untuk mengumpul kiosk agensi kerajaan dan syarikat swasta di satu tempat yang memudahkan akses kepada rakyat.

"Penyediaan kios ini merupakan satu inisiatif di bawah Belanjawan 2025 yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu ia dilaksanakan secara cepat dan berkesan," katanya ketika meninjau persiapan Kiosk Sentuhan MADANI di sini semalam. — Bernama



09 JAN, 2025

Kiosk Sentuhan MADANI pertama dilancar

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Kiosk Sentuhan MADANI yang pertama, iaitu inisiatif terbaru untuk memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan, akan dilancarkan di pusat beli-belah Alamanda, di sini hari ini. Ketua Pengarah Unit Pantau MADANI Pejabat Perdana Menteri Mohd Khalid Mohamad Latiff berkata kiosk berkenaan menghimpunkan lebih 90 perkhidmatan kerajaan yang disediakan melalui enam kiosk agensi dan syarikat berlainan. Beliau berkata ia melibatkan kiosk Jabatan Pengangkutan Jalan, Pos Malaysia, Suruhanjaya

Syarikat Malaysia, Tenaga Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan MyDigital ID.